

# PM pemikir, perjuangkan maruah Islam

UM 28 SEP 2003

Oleh SOPHA SULAIMAN

ALOR STAR 27 Sept. — Keistimewaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bukan setakat seorang pemikir Islam dan memperjuangkan maruah umat Islam di mata dunia tetapi beliau telah berjaya menterjemahkannya dalam bentuk pelaksanaan untuk memaju dan memakmurkan rakyat hingga Malaysia kini dihormati.

Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK), Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir berkata, pandangan serta idea Dr. Mahathir diterima selain keberanian beliau menyuarakan kebenaran di pentas dunia.

Menurut beliau, pemikir-pemikir Islam semasa zaman Rasulullah bukanlah terdiri daripada para ulama tetapi mereka telah membawa perubahan dan perancangan yang berjaya memaju dan meningkatkan kehidupan rakyat.

“Mereka telah berjaya menterjemahkan pembangunan ummah, ekonomi dan pentadbiran mengikut ajaran al-Quran,” katanya

selepas majlis perasmian Seminar Dr. Mahathir Pemikir Islam Abad ke-21 anjuran JHEK, Kementerian Penerangan Malaysia, di sini hari ini.

Zainal Abidin memberi contoh Saidina Omar Al-Khatib yang bukanlah seorang ulama tetapi pemikir yang melaksanakan aspek pentadbiran dan membawa dasar di segi pembangunan ekonomi dan sosial.

Demikian juga Mohamed Iqbal, seorang pemikir yang memajukan Islam melalui pendidikan sementara Jamaluddin Al-Afghani berjuang membebaskan penjajahan Barat semasa berhijrah ke Mesir kurun ke-19, katanya lagi.

“Bagaimanapun kita mempunyai kelebihan kerana pemimpin kita bukan sekadar memperjuangkan tentang hak dan kebenaran tetapi merealisasikan perjuangan itu hingga kita muncul sebagai negara Islam yang maju untuk dicontohi,” katanya.

Kata beliau, pemikiran Dr. Mahathir inilah yang akan diterapkan kepada rakyat agar mereka terus berjuang bagi mengangkat

dan mengembalikan mar tabat serta kemuliaan Islam seperti mana yang dituntut oleh agama.

“Islam bukan sekadar pandai membaca al Quran dan berceramah, tetapi perlu memberikan sumbangan untuk membangunkan umatnya,” kata beliau.

Menurut beliau, pemikiran umat Islam perlu diperbetulkan agar tidak ter tipu dengan fahaman yang boleh merosakkan.

Beliau berkata, Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir untuk membolehkan pelajar negara ini menimba ilmu dan teknologi di Jepun adalah sejajar dengan saranan Rasulullah yang menyuruh umatnya menuntut ilmu hingga ke Negeri China.

Katanya, ada kumpulan yang cemburu serta menganggap pemikiran Islam hanya dimiliki oleh kumpulan mereka sahaja, menyebabkan mereka tidak dapat menerima Dr. Mahathir itu juga pemikir Islam.